

e-Lingua 1/2025

JANUARY 2025

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PULAU PINANG KAMPUS BERTAMBAH
<http://www.uitm.edu.my>



Academy of Language Studies
UiTM Cawangan Pulau Pinang



Table of contents



<u>From the Editorial Team</u>	3
<u>Department News & Reports</u>	4
<u>Club News & Report</u>	27
<u>Self-Love First</u>	39
<u>Travelling</u>	46
<u>Home Garden</u>	58
<u>Teaching & Learning</u>	64
<u>Lecturer's Contribution</u>	68
<u>Creative Writing</u>	81
<u>The Team</u>	90

Projek SHINE: Mengukir Harapan dan Komitmen UiTM terhadap Komuniti Istimewa Setempat

Oleh: Noor Azli Affendy Lee & Nur Fatin Shahmina Mohd Fauzey

Inisiatif khidmat masyarakat memainkan peranan penting dalam mengeratkan hubungan antara institusi pendidikan dan komuniti setempat. Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) melalui Kelab Budi Penyayang (KBP) dan Akademi Pengajian Bahasa (APB) telah melaksanakan projek "Sinar Harapan Initiatives for Narrative Empowerment" (SHINE). Projek ini bertujuan memberi impak positif kepada rumah kebajikan angkat baharu KBP, iaitu Sekolah Sinar Harapan di Bukit Mertajam.

SHINE: Mengecat Inspirasi di Dinding Sekolah

Fasa pertama Projek SHINE berlangsung pada 19 dan 26 Oktober 2024, dengan fokus utama pada aktiviti mengecat mural di Sekolah Sinar Harapan, sebuah institusi pembelajaran untuk pelajar istimewa. Seramai 50 pelajar KBP dan 10 staf UiTM CPP terlibat dalam menghasilkan mural yang bukan sahaja menghiasi dinding sekolah tetapi juga menyampaikan mesej inspirasi kepada para pelajar. Aktiviti ini turut menceriakan persekitaran sekolah sambil memupuk semangat kesukarelawanan dalam kalangan pelajar universiti.

Program ini bertujuan meningkatkan estetika sekolah, memperkukuh semangat kerja berpasukan, serta memupuk kreativiti peserta. Walaupun program ini dilaksanakan dalam masa yang singkat, impaknya dirasakan amat bermakna. Maklum balas daripada komuniti sekolah menunjukkan kepuasan tinggi terhadap hasil mural, yang bukan sahaja menaikkan motivasi pelajar tetapi juga melambangkan kerjasama erat antara komuniti dan institusi pendidikan. Pihak sekolah menyifatkan program ini sebagai inisiatif yang patut diteruskan kerana ia membawa perubahan positif kepada suasana fizikal dan psikologi pelajar istimewa.



SHINE 2.0: Menyentuh Hati Melalui Kreativiti

Fasa kedua, Projek SHINE 2.0, berlangsung pada 8 November 2024 dengan pendekatan lebih menyeluruh. Fokusnya adalah meningkatkan kemahiran sosial dan kreativiti pelajar istimewa. Aktiviti seperti penghasilan karya menggunakan playdoh dan pensel warna dirancang untuk membantu pelajar istimewa membina keyakinan diri. Pada masa yang sama, pelajar UiTM turut memupuk empati dan kesedaran sosial melalui interaksi dengan kanak-kanak istimewa dalam suasana inklusif.

Maklum balas terhadap SHINE 2.0 amat memberangsangkan. Semua responden bersetuju program ini relevan dan memberi kesan positif kepada pelajar istimewa. Mereka juga menyarankan agar program seperti ini diteruskan. Antara komen yang diterima adalah, "Program ini sangat baik kerana membuka peluang kepada masyarakat untuk lebih memahami keperluan pelajar istimewa."



Kesimpulan: Harapan ke Arah Masa Depan

Projek SHINE dan SHINE 2.0 membuktikan bahawa inisiatif khidmat masyarakat mampu menjadi platform untuk membina hubungan erat antara pelajar universiti dan komuniti. Kedua-dua program ini bukan sahaja meningkatkan suasana fizikal sekolah, malah memperkukuhkan nilai kolaborasi, kesedaran sosial, dan empati dalam kalangan peserta. Dengan pelaksanaan projek seperti ini, KBP, APB, dan UiTM CPP bukan sahaja mengukir harapan di hati komuniti tetapi turut membentuk generasi prihatin yang menyumbang kepada masyarakat. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan dan diperluaskan agar manfaatnya lebih meluas dan berkekalan.